

19 OCT 2001

LAPORAN-PRAKATA

PERTUMBUHAN 2002 AKAN DIJANA OLEH SEKTOR DOMESTIK

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2002 akan lebih dijana oleh sektor domestik melalui peningkatan penggunaan dan pelaburan, sementara sektor luar dijangka bertambah baik menjelang penghujung tahun hadapan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kerajaan, katanya akan bertindak tegas untuk melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi memperkukuhkan lagi permintaan dalam negeri dan mengekalkan persekitaran yang sesuai bagi memudahkan aktiviti perniagaan dan menarik pelaburan dari sumber dalam negeri.

Di samping itu sektor swasta pula perlu berusaha dan terus memainkan peranannya sebagai jentera pertumbuhan demi membantu usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat pertumbuhan negara, demikian menurut Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan dalam Prakata yang terkandung di dalam Laporan Ekonomi Perbendaharaan 2001/2002 yang dikeluarkan di sini hari ini.

"Meskipun kelembapan ekonomi global mungkin berpanjangan dan mendalam, kita yakin akan dapat mencapai pertumbuhan yang mapan berdasarkan asas-asas ekonomi yang telah dibina kukuh di samping pelbagai strategi dan langkah yang telah dan akan diambil," tambah beliau.

Malaysia telah pulih daripada krisis kewangan Asia 1997/1998 dengan mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh selama dua tahun berturut-turut pada 1999 dan 2000.

"Walau bagaimanapun, usaha gigih kita untuk mengekal momentum pertumbuhan yang dikecapi telah terjejas sejak awal tahun ini berikutan kelembapan luar jangkaan ekonomi global, terutamanya di Amerika Syarikat dan Jepun.

"Serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat telah memburukkan lagi keadaan ekonomi global. Selepas sahaja serangan tersebut kita telah menyaksikan pasaran ekuiti utama dunia menjunam, sesetengahnya ke paras yang belum pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Dengan kemungkinan bahawa ekonomi Amerika Syarikat akan mengalami kemelesetan dan kesan buruknya menular ke seluruh dunia, impaknya akan memburukkan lagi keadaan di Malaysia, kata Dr Mahathir.

Kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat sebelum 11 September menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merosot daripada 3.1 peratus pada suku pertama kepada 0.5 peratus pada suku kedua 2001, selepas mengalami pertumbuhan kukuh selama tujuh suku tahun berturut-turut.

Kata beliau, kemerosotan itu merupakan prestasi paling buruk semenjak pemulihan ekonomi dan Malaysia telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara sebanyak dua kali.

"Semakan pertama dibuat pada bulan Mac di mana anggaran pertumbuhan telah dipinda daripada 7 peratus dalam Belanjawan 2001 kepada di antara 5 hingga 6 peratus. Kini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka merosot kepada di antara 1 hingga 2 peratus, setelah mengambil kira perkembangan terbaru di Amerika Syarikat," kata beliau.

Perkembangan ekonomi global yang semakin menurun bermula ketika negara baru memasuki tahun pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), 2001-2010 serta permulaan bagi Rancangan Malaysia Kelapan (RM ke-8), 2001-2005.

"Kita tidak harus membiarkan masalah yang dialami pada masa kini menjejaskan misi kita untuk mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju," tegas beliau.

Justeru, kata beliau Malaysia harus berusaha mencari dan melancarkan pendekatan yang khusus dengan penuh semangat dan tekad untuk meningkatkan lagi daya tahan dan daya saing negara dalam menghadapi segala cabaran yang mendatang.

Meskipun persekitaran luaran kian sukar, asas-asas makroekonomi negara masih kukuh, hasil daripada pendekatan dasar Kerajaan yang pragmatik serta pengurusan ekonomi yang fleksibel.

Kata beliau akaun semasa imbalan pembayaran terus mencatat lebih yang kukuh sejak tahun 1998.

Manakala rizab antarabangsa adalah stabil pada tahap yang lebih tinggi, iaitu AS\$29.7 bilion, yang mampu membiayai 4.6 bulan import tertanggung atau 6.2 kali liabiliti jangka pendek negara.

"Hutang luar negara juga terus rendah. Keadaan inflasi masih terkawal. Sistem perbankan semakin kukuh sementara kadar ringgit yang tetap terus menyediakan persekitaran yang stabil untuk menggalakkan aktiviti ekonomi," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata, "Sesuatu yang harus menyakinkan kita akan kebaikan penetapan tukaran asing oleh Kerajaan ialah ringgit Malaysia diterima pada nilai yang ditetapkan oleh semua pihak dan tidak ada pasaran gelap untuk ringgit."

Malaysia bernasib baik kerana mempunyai struktur ekonomi yang lebih pelbagai.

Walaupun eksport dan pelaburan langsung asing di sektor perkilangan telah membantu menyumbang kepada pertumbuhan, negara tidak semata-mata bergantung kepada industri elektronik untuk memacu pertumbuhan.

"Asas sektor perkilangan kita kini lebih luas. Langkah-langkah juga akan diambil untuk memajukan lagi sektor pertanian sebagai sumber pertumbuhan ketiga," katanya.

Selain daripada itu, ekonomi negara akan maju ke arah aktiviti berasaskan pengetahuan sebagai sumber pertumbuhan baru. Dalam hubungan ini, Koridor Raya Multimedia telah meletakkan asas bagi membawa negara ke arah K-ekonomi.

Dalam menempuhi persekitaran yang mencabar ini, komitmen dan kesetiaan rakyat adalah amat penting bagi menyokong inisiatif Kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan negara.

"Sokongan rakyat yang tidak berbelah bahagi seperti yang telah ditunjukkan semasa krisis kewangan yang lalu sekali lagi akan membantu kita menempuhi suasana yang mencabar ini," katanya.

Seperti pada masa-masa yang lalu, sokongan jitu dan keazaman rakyat yang teguh akan membolehkan kita mengharungi rintangan dan halangan untuk muncul lebih kukuh dan membina masa hadapan yang lebih gemilang untuk semua rakyat Malaysia, tambah beliau. -- BERNAMA

SM OS